

## KPDNHEP Perak periksa hampir 200 premis jual pakaian sekolah

Disember 20, 2019

Ditulis oleh Media Baharu



IPOH - Lebih 200 premis jualan pakaian sekolah di Perak diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pemeriksaan dilakukan menerusi penguatkuasaan pencatutan di bawah pemeriksaan pakaian sekolah yang dilakukan sejak Rabu lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, V. Ravichandran memberitahu :

tiada kesalahan berhubung peningkatan harga yang tidak munasabah.

Beliau ditemui selepas melakukan pemeriksaan di sebuah pasaraya di Ipoh sambil mengingatkan peniaga agar tidak mengambil kesempatan membuat keuntungan berlebihan ketika musim bermulanya sesi persekolahan.